



Buletin KOMSTRA

Kami Mahu Gaya Hidup Lestari

Januari-Jun 2014 Keluaran 1, Bilangan 1

Bahagian Komunikasi Strategik

Isi Kandungan :

Kata Aluan Pengarah	1
Pelancaran EKMC	1
Bengkel SLAAS &	2
Bengkel Penulisan	3
Pelaporan Media &	
Bengkel Indikator &	4
JJMRAS Zon Utara	5
MSJCE & Hari Bumi	6-7
Hari Alam Sekitar	8
Sedunia	
Bengkel Modul Pra -	9
Sekolah	
Lawatan Delegasi Oman	10

Sidang Pengarang Buletin KOMSTRA

Dato' Abu Hasan bin Mohd Isa

Wan Azuan Shah bin Wan Mohamed

Nor Azlini Azieh


Rosnani Ahmad

Farah Nadiah Mohd

ISSN 2289-7410



Kata Aluan Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik



Dato' Abu Hasan bin Mohd Isa

Salam Rakan Alam Sekitar 1 Malaysia.

Syukur Alhamdulillah bertemu kali ini dalam buletin KOMSTRA keluaran penggal pertama bagi tahun 2014. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada semua warga KOMSTRA kerana berjaya menerbitkan buletin ini. Penghasilan buletin ini diharap dapat memberi serba sedikit maklumat serta berkongsi pengalaman mengenai aktiviti yang dijalankan sepanjang setengah tahun pertama Bahagian Komunikasi Strategik 2014. Diharap semua kakitangan KOMSTRA terus cemerlang dan gigih untuk memberikan yang terbaik untuk menaikkan imej serta meneruskan agenda transformasi Jabatan.

Pelancaran Enviro-Knowledge Management Center 2014



Pada 28 Januari 2014 telah berlangsung pelancaran Enviro Knowledge Management Center (EKMC) oleh Ybgh. Dato' Halimah Hasan Selaku Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia.

EKMC merupakan salah satu inisiatif Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar ke arah maklumat digital dan menjadikan JAS sebagai pusat maklumat yang berperanan mengurus maklumat dengan sistematik. Kesemua maklumat yang berkaitan Jabatan Alam Sekitar disimpan secara digital dan boleh diakses melalui atas talian. Kewujudan EKMC mengubah cara kerja kakitangan JAS dan mampu meningkatkan pengetahuan dikalangan mereka. EKMC juga menjadi pemangkin perubahan transformasi Jabatan dan juga memenuhi hasrat Kerajaan.

Bengkel Penilaian & Penganugerahan Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)



Bengkel ini telah berjaya dilaksanakan pada 17 hingga 19 Mac 2014 di Pearl International Hotel, Kuala Lumpur. Peserta bengkel ini adalah seramai 40 orang yang terdiri daripada Guru, Pegawai Jabatan Alam Sekitar serta NGO yang terlibat. Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan pemahaman mengenai program SLAAS serta mendedahkan peserta mengenai tatacara dan prosedur penilaian penganugerahan. Bengkel yang diadakan 3 hari ini telah memberi impak yang besar kepada peserta untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai Panel Penilai khususnya dengan pendekatan baru dalam penilaian.

Bengkel Kehakiman Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara IPT 2014

Bengkel ini telah diadakan di Hotel Grand Crystal, Alor Setar, Kedah pada 26-28 Mac 2014. Ia bertujuan supaya para hakim dapat mempelajari dan meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai cara dan kaedah penghakiman pertandingan Debat Alam Sekitar antara IPT secara mantap dan menyeluruh.




Bengkel Penulisan , Pelaporan Media dan Fotografi

Unit Perpustakaan telah menganjurkan bengkel ini untuk ahli Rakan Alam Sekitar dibawah agensi NRE dan bersama media. Program ini telah dilaksanakan pada 12 hingga 15 Mac 2014 di Perhentian Island Resort, Pulau Perhentian Terengganu.

Pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan sepanjang program berlangsung. Sebelum ke Pulau Perhentian, peserta telah singgah sebentar ke Kuala Gandah iaitu sebuah tempat penjagaan Gajah yang dikawal selia oleh Perhilitan Negeri Pahang. Selepas itu peserta terus bergerak ke Pusat Latihan Khidmat Negara Jerneh untuk bermalam disana sebelum ke Pulau Perhentian.

Di Pulau perhentian pelbagai ilmu baru yang diperolehi oleh peserta dalam satu masa iaitu gaya menulis dengan betul, membuat laporan dalam bentuk media dan teknik mengambil gambar dengan baik. Selain itu, aktiviti bersama masyarakat juga menjadi elemen penting dalam mencari idea untuk menyiapkan tugas yang diberi oleh jurulatih. Aktiviti luar lain juga seperti *snorkeling*, melawat pulau perhentian kecil dan besar membuatkan peserta teruja melihat keindahan alam semulajadi ciptaan Tuhan ini. Semoga program ini memberi manfaat kepada peserta dan menerapkan ilmu yang dipelajari dalam tugas sehari-hari.



Bengkel Pembangunan Indikator

Program ini telah pun di laksanakan dengan jayanya di Hotel Seri Malaysia, Melaka.

Program ini dianjurkan oleh Unit Rakan Alam Sekitar pada 4-6 Mac 2014. Program ini adalah untuk memberi dan berkongsi kepakaran masing-masing kepada peserta terutamanya dari agensi kerajaan dan swasta.



Program selama 2 hari ini dapat memberi outcome yang positif bagi meningkatkan lagi kempen kesedaran alam sekitar dikalangan peserta.



Bengkel Fotografi dan Videografi

Unit Perpustakaan telah menganjurkan bengkel fotografi dan juga videografi untuk kakitangan Jabatan Alam Sekitar yang bermula pada 20 & 21 Mei 2014 bertempat di Bilik ICT BTM. Peserta didedahkan bagaimana menggunakan teknik kamera dengan betul serta cara mengambil gambar yang baik mengikut kesesuaian tempat dan lokasi.

Peserta juga di latih bagaimana menghasilkan video dengan menggunakan kamera handphone dan juga kamera DSLR. Hasil dari pembelajaran ini peserta mampu menghasilkan gambar yang menarik



Jurulatih Foto dan Video memberi penerangan mengenai teknik mengambil gambar serta video dengan betul.

Jelajah Jejak Mesra Rakan Alam Sekitar ke Zon Utara



JJMRAS Zon Utara bersempena Hari Bumi melibatkan 2 tempat yang berbeza iaitu di Negeri Perlis dan Kedah. Program ini bermula pada 26 hingga 29 April 2014. Ia melibatkan Ahli Rakan Alam Sekitar di beberapa Parlimen dan juga IPTA tempatan bagi Zon Utara. Pelbagai aktiviti kesedaran telah dilaksanakan oleh ahli RAS dan pelbagai pengalaman baru yang belum pernah mereka alami sepanjang program ini berlangsung. Antara lokasi persinggahan termasuklah :

Tapak Arkeologi Kedah Tua, Sungai Batu, Lembah Bujang, Kedah. Untuk hari kedua, peserta JJMRAS bergerak ke Program bersama UiTM Merbok bagi mempromosikan keahlian baru RAS. Keahlian RAS yang baru seramai 200 pelajar dapat didaftarkan pada hari tersebut .

Untuk aktiviti hari ketiga, Peserta JJMRAS juga telah ke Pasar Pagi Nat Batu 2 untuk mengedar beg Rakan Alam Sekitar. Peserta JJMRAS juga membuat lawatan dan aktiviti kesedaran Alam Sekitar di Kompleks Galeri Bakau, Hutan Simpan Paya Bakau, Semeling dan menyusuri Sungai Merbok hingga ke Tanjung Dawai dan Pantai Merdeka. Disini peserta diberi taklimat berkaitan pengurusan kerja di Hutan Simpan serta aktiviti yang telah dijalankan di tempat tersebut. Pada sebelah malam pula peserta JJMRAS melakukan Aktiviti 'Team Building', iaitu 'Menjejak Bintang' di sekitar Hotel Regency Jerai . Peserta diberi pendedahan bagaimana menggunakan teleskop untuk melihat bintang pada waktu malam. Ini adalah pengalaman baru bagi semua peserta.

Pada hari keempat peserta menjalankan aktiviti 'Jungle Tracking' di Gunung Jerai. Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh peserta untuk sampai ke *check point* terakhir sebelum berpatah balik ke *check point* asal. Kepenatan dan rintangan yang dilalui peserta JJMRAS berbaloi apabila dapat melihat keindahan semulajadi yang indah di sekitar Gunung Jerai. Aktiviti terakhir yang telah dijalankan oleh peserta JJMRAS kali ini ialah mengadakan aktiviti pembersihan kawasan di Gua Kelam, Anak Bukit, bersama Isteri Menteri Besar Perlis, Puan Nor Aswana Omar, Exco Sumber Asli & Alam Sekitar Negeri Perlis, Datuk Mat Rawi Kassim, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis, Encik Marzuki bin Mokhtar dan Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Alam Sekitar, Dato Abu Hasan bin Mohd Isa.

Malaysia Singapore Joint Committee on Environment Working Group (MSJCE WG)



Mesyuarat ke-12 Kumpulan Kerja Jawatankuasa Bersama Malaysia-Singapura mengenai Alam Sekitar (MSJCE WG) telah diadakan di Kuala Lumpur pada 22 Mei sehingga 23 Mei 2014 di Hotel Intercontinental, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini telah dipengerusikan bersama oleh Dato' Halimah Hassan, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Malaysia dan Encik Ronnie Tay, Ketua Pegawai Eksekutif, *National Environment Agency*, Singapura. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk kedua-dua Negara bertukar-tukar maklumat dan pengalaman dalam menangani isu-isu alam sekitar yang mempunyai kepentingan bersama .

Sambutan Hari BUMI

Hari bumi telah disambut pada 22 April 2014 di Universiti Putra Malaysia. Sambutan kali ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan pada hari tersebut dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Program ini buat julung kalinya disambut bersama rakan MOU jabatan Alam Sekitar bagi mengeratkan hubungan kerjasama dan meningkatkan kesedaran Alam Sekitar kepada Rakyat Malaysia.



Kem Train of Trainers

Kem Train Of Trainers telah diadakan pada 5 hingga 7 Mei 2014 bertempat di PNB ILHAM Resort, Port Dickson .

Program ini adalah untuk peserta yang dilatih sebagai fasilitator bagi Kem Kesedaran Alam Sekitar atau dikenali sebagai KeKAS serta Kapten RAS. Program ini adalah untuk memberi pendedahan dan perkongsian ilmu mengenai pengurusan, motivasi, kepimpinan dan kesedaran serta tanggungjawab kepada alam sekitar.

Selain itu, ia juga adalah untuk mengenalpasti dan melatih Kapten RAS yang akan meneraju ahli RAS di peringkat Negeri. Program ini telah disertai oleh pegawai dari JAS Negeri dan juga dari Ibu Pejabat JAS Putrajaya serta Kapten RAS seluruh Malaysia.



Hari Alam Sekitar Sedunia

Hari Alam Sekitar Sedunia disambut pada 5 Jun 2014 baru-baru ini membawa satu pengertian cukup besar dalam usaha memberi kesedaran berhubung pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar kepada masyarakat. Tema Hari Alam Sekitar Sedunia kali ini adalah *Raise your voice, Not the sea level*. Program ini telah diadakan di Dataran Teluk Kemang, Port Dickson dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dikalangan komuniti setempat terutamanya di Teluk Kemang. Pelbagai aktiviti menarik yang telah disediakan sempena Hari Alam Sekitar Sedunia antaranya ialah pameran, enviro fun walk, pertandingan mewarna, greenrobic, acara menanam pokok, pembersihan pantai, cabutan bertuah, pelancaran Pusat RAS 1 Malaysia (PR1SMA) dan perantukan Kapten Rakan Alam Sekitar di setiap 222 Parlimen. Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB. Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit .



Bengkel Modul Prasekolah Mengenai Kesedaran Alam

Pada 19 hingga 21 Mei 2014 telah berlangsungnya bengkel Modul Pra Sekolah yang diadakan di Hotel Prescott Kajang, anjuran Bahagian Komunikasi Strategik. Bengkel ini telah disertai oleh guru-guru dibawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga KEMAS. Pelbagai aktiviti telahpun dilaksanakan sepanjang bengkel ini termasuklah ceramah kesedaran Alam Sekitar, Kreativiti mencipta bahan kitar semula, *Team Building*, dan aktiviti riadah. Bengkel ini telah memberi banyak pendedahan kepada peserta mengenai penjagaan Alam Sekitar. Semoga bengkel ini juga dapat memberi manfaat kepada peserta dan disampaikan kepada pelajar mereka disekolah masing-masing.



Antara gambar aktiviti sepanjang Bengkel Modul PraSekolah di Hotel Prescott, Kajang

Lawatan Delegasi Dari Oman

Bahagian Komunikasi Strategik dibawah Seksyen Antarabangsa telah menerima lawatan Delegasi dari Oman pada 18 Jun 2014 Lawatan ini adalah untuk mengeratkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Oman. Semasa lawatan ini berlangsung, delegasi Oman diberi taklimat mengenai peranan dan tugas Jabatan Alam Sekitar serta sempat bertukar pandangan mengenai isu Alam Sekitar sama ada di Malaysia dan juga di Oman. Lawatan ini disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) iaitu Dato' Dr. Ahmad Kamarul Najuib bin Che Ibrahim. Delegasi Oman dibawa melawat sekitar Ibu Pejabat Alam Sekitar untuk diperkenalkan di setiap bahagian. Lawatan ini diakhiri dengan bertukar-tukar cenderahati serta sesi bergambar sebagai kenangan antara Pegawai Jabatan Alam Sekitar dan delegasi Oman.

